

## Kejayaan Pelajar Bukti Kecemerlangan Universiti

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 03 Mei 2019 15:33 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 153

[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**JUMAAT, 3 MEI** - Pencapaian membanggakan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam semua peringkat sentiasa mendapat sokongan daripada pihak pengurusan universiti.

Pengerusi Lembaga Pengarah, Datuk KY Mustafa berkata UMS bertanggungjawab menyediakan ruang bagi generasi muda meneroka bidang ilmu, menggilap bakat dan potensi serta menerapkan nilai-nilai murni demi menyediakan generasi pemimpin masa hadapan.



“Pencapaian pelajar dalam semua peringkat merupakan kebanggaan kepada UMS dan sentiasa dititikberatkan oleh pihak pengurusan serta sentiasa diberi sokongan tanpa jemu.

“Sesungguhnya perkara inilah yang menjadi kayu ukur kecemerlangan universiti dalam menyediakan latihan serta pemerksaan kemahiran kepada para pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (MAHEPA) kali ke-21 yang disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Juhar Mahiruddin dan isteri Toh Puan Norlidah R.M Jasni, baru-baru ini.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dr. Ismail Ali menjelaskan bahawa MAHEPA merupakan medium bagi menghargai dan mengiktiraf para pelajar yang bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti serta kejayaan yang dicapai dalam pelbagai peringkat.



“Sesungguhnya sudah menjadi tanggungjawab HEPA untuk memastikan pembangunan para pelajar sentiasa diberi perhatian dalam segala aspek bersesuaian dengan misi dan visi universiti.

“Selain meraikan para pelajar, MAHEPA juga dianjurkan sebagai usaha untuk menghargai pelbagai pihak termasuklah alumni UMS yang sentiasa memberi kerjasama, sokongan serta sumbangan kepada UMS,” ujarnya.

Tambah beliau, sebanyak 859 aktiviti berjaya dilaksanakan oleh para pelajar sama ada di peringkat universiti, negeri dan antarabangsa pada tahun 2018.

Pada majlis tersebut, sebanyak 11 anugerah individu dan sembilan anugerah berkumpulan dipertandingkan meliputi pemimpin harapan, keusahawanan, sukarelawan, kepimpinan, inovasi, pengucapan awam, sukan dan kebudayaan.

Turut hadir Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dan isteri Datin Roha Asmara; Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye serta Ahli Lembaga Pengarah UMS Datin Nurlaila Said.

